



MB Kelantan kepalai perarakan 40 rakit berhias susuri Sungai Pergau

67 imam sertai kursus AI, perkasa pengurusan masjid

Kelantan raikan generasi pewaris Al-Azhar

MUNIF 2025: SG4 model penyelarasan bantuan kemanusiaan ke Palestin

TMK berkenan berjalan bersama rakyat dalam program 'Kelate Charity Walk'

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 18 September - Yang Teramat Mulia (YTM) Tengku Mahkota Kelantan Tengku Muhammad Fakhry Petra Ibni Al-Marhum Sultan Ismail Petra berkenan berangkat mencemar duli berjalan bersama rakyat dalam program 'Kelate Charity Walk' sempena Kelantan Charity Festival (KC Fest) di perkarangan Stadium Sultan Muhammad IV, malam tadi.

Keberangkatan tiba YTM Tengku Mahkota Kelantan disambut oleh Menteri Besar YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud.

Program Kelate Charity Walk dimulakan dengan bacaan doa oleh Imam Masjid Jamek Muhammadi Kota Bharu Hairul Azizi Mokhtar dan diikuti pelancaran KC Fest oleh YTM Tengku Mahkota Kelantan seterusnya sesi pelepasan oleh Menteri Besar.

Acara berjalan kaki bersama YTM Tengku Mahkota Kelantan bermula dan berakhir di perkarangan Stadium Sultan Muhammad IV dengan jarak sejauh 2.07 kilometer.

Lebih 3,000 peserta direkod-



kan menyertai program tersebut yang melibatkan penyertaan dari pelbagai lapisan umur dan kaum. Tidak ketinggalan juga ada yang bersama keluarga dan anak-anak kecil yang turut menjayakan program ini.

Sementara itu, Menteri Besar menjunjung kasih atas limpah perkenan YTM Tengku Mahkota Kelantan berangkat mencemar duli ke program tersebut.

"Semoga negeri Kelantan terus dilimpahi rahmat dan kesejahteraan, serta rakyatnya hidup dalam suasana aman, harmoni dan diberkati Allah SWT," katanya menerusi satu hantaran di media sosialnya,

hari ini.

Dalam program itu juga, YTM Tengku Mahkota Kelantan berkenan mengurniakan hadiah kepada empat orang pemenang. Hadiah-hadiah tersebut berupa sebuah skuter elektrik kurniaan YTM Tengku Mahkota Kelantan, sebuah motosikal Y15, sebuah motosikal SM Sport dan sebuah skuter Yamaha.

YTM Tengku Mahkota Kelantan juga berkenan menyaksikan penyerahan sumbangan daripada Maybank dan Agrobank kepada Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan

“

Semoga negeri Kelantan terus dilimpahi rahmat dan kesejahteraan, serta rakyatnya hidup dalam suasana aman, harmoni dan diberkati Allah SWT,”

(MAIK).

Untuk rekod, KC Fest merupakan festival amal anjuran bersama Madoo Bee, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dan HMS Maju Group yang menggunakan slogan 'Kasih Disemai, Rezeki Dikongsi, Budaya Kelate'.

Acara yang bermula pada 17 hingga 20 September di perkarangan Stadium Sultan Muhammad IV menampilkan selebriti seperti Datuk Awie, Datuk Nash, Faizal Tahir, Senario, Ameng Spring, Caliph Buskers, Aris Ariwatan, Rahmad Mega, Naqiu, Halim Yazid dan Bob Sentuhan.



67 imam sertai kursus AI, perkasa pengurusan masjid

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 14 September – Sebanyak 67 imam dari 60 buah masjid negeri, bandar, jajahan dan mukim di Kelantan telah terpilih menyertai kursus khas berkaitan penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) dalam pengurusan masjid di sebuah hotel di sini, pada Khamis.

Kursus anjuran Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) itu adalah sebahagian daripada inisiatif memodenkan pentadbiran masjid selaras dengan perkembangan teknologi digital.

Dalam satu kenyataan yang dimuat naik oleh MAIK di media sosial, kursus berkenaan bertujuan memperkenalkan teknologi terkini berasaskan AI untuk memperkasa peranan imam serta pentadbir masjid dalam era digital ini.

“Inisiatif ini merupakan satu



langkah proaktif MAIK dalam memodenkan pengurusan masjid, di samping memudahkan peranan imam serta pentadbir masjid untuk menyesuaikan diri dengan cabaran era digital,” kata kenyataan tersebut.

Para peserta juga berpeluang mengikuti sesi perkongsian bersama Ketua Pegawai Eksekutif PFH Resources (M) Sdn Bhd Ts. Faezal Hysni Arshad yang memberikan pendedahan berkenaan pelbagai

aplikasi dan manfaat teknologi AI dalam konteks pengurusan masjid.

“Para peserta telah didedahkan dengan pelbagai aplikasi dan manfaat teknologi AI yang boleh dimanfaatkan bagi meningkatkan keberkesanan pentadbiran serta memperluas peranan masjid kepada masyarakat,” kata kenyataan itu lagi.

MAIK turut menyatakan harapan agar ilmu yang diperoleh



melalui kursus berkenaan dapat diaplikasikan secara efektif dalam usaha memajukan pengurusan masjid serta memberi impak positif kepada pembangunan ummah.

Sebagai badan agama yang bertanggungjawab, MAIK menegaskan komitmennya untuk terus memperkukuhkan peranan institusi masjid sebagai pusat ibadah, pusat pendidikan dan pembangunan masyarakat selaras dengan arus teknologi semasa.

MB Kelantan kepalai perarakan 40 rakit berhias susuri Sungai Pergau



Oleh: Norzana Razaly

JELI, 14 September – Sungai Pergau bertukar menjadi gelanggang sukan air yang meriah apabila Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud mengetuai 40 rakit berhias dalam perarakan Pesta Berakit Jeli 2025.

Aksi beliau melempar pelampung keselamatan kepada mangsa lemas mencuri perhatian ribuan pengunjung yang membanjiri tebing sungai di Gunung Reng pada Sabtu.

Santai bersemutar kain lepas, Dato’ Mohd Nassuruddin kelihatan ceria berkenderaan air itu sejauh dua kilometer dari Pusat Rekreasi Dendong ke Taman Cahaya Iba-

dah, Gunung Reng.

Beliau ditemani Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamarudin Md Nor bersama timbalannya YB Zameri Mat Nawang. Turut mengiringi, ADUN Kuala Balah YB Dato’ Abdul Hadi Awang Kechil dan mantan Senator Dato’ Sr. Apandi Mohamad.

“Sungguh menyeronokkan, lebih-lebih lagi bila dapat bersama rakyat dalam suasana penuh ceria dan kebersamaan,” ujar Menteri Besar sebaik menamatkan kayuhan rakit selama 1 jam.

Selain perarakan utama, pesta itu juga disemarakkan dengan pertandingan kayak yang menonjolkan keunikan Sungai Pergau se-



bagai pusat sukan air dan ekopelancongan negeri.

Dalam ucapannya, Menteri Besar menegaskan bahawa pesta berakit kini diangkat sebagai acara tahunan dalam Takwim Indahnya Kelantan 2025, sekali gus menobatkan Jeli sebagai destinasi ekopelancongan unggul Pantai Timur.

Sebagai simbolik perasmian, beliau bersama kepimpinan negeri menanam pokok Kayu Raja Kuning (cassia fistula) di tebing sungai.

Selain pertandingan rakit paling cantik yang dijuarai Pejabat Tanah dan Jajahan (PTJ) Jeli, pertandingan Video Kreatif Jeli Bandar Bahagia turut dianjurkan sempena

pesta tersebut.

Bakat segar anak muda Amirul Akma Hasbullah dinobatkan juara melalui video bertajuk Jeli Bandar Paling Bahagia sekali gus membawa pulang hadiah RM1,000. Tempat kedua diraih Amirul Arif Rosli dengan hadiah RM700, manakala Muhd Faiz Hamzah menduduki tempat ketiga dengan hadiah RM500.

Tambah menarik, pesta berkenaan juga dimeriahkan oleh badan bukan kerajaan (NGO) yang turut berakit iaitu Persatuan Campervan dan Motorhome Malaysia (PCMM).

Menurut presidennya, Farman Oman, persatuan itu mempunyai hampir 1,000 ahli berdaftar yang memiliki RV dari Perlis hingga Johor.

“Rombongan PCMM hadir bersama 65 kenderaan rekreasi (RV) membawa lebih kurang 200 penumpang dari seluruh negara. Kehadiran kami di Jeli untuk bersama-sama memeriahkan pesta dan menjadi sebahagian usaha mempromosikan ekopelancongan di Kelantan,” jelasnya.

Kelantan raikan generasi pewaris Al-Azhar

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 14 September – Kelantan terus menyemarakkan tradisi keilmuan apabila para mahasiswa yang bakal melanjutkan pengajian ke Maahad Qiraat Al-Azhar, Mesir diraikan dalam Majlis Tautan Mahabbah MAQAZ di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, pada Jumaat.

Program bertemakan “Tarbiyah Al-Azhar: Menyuburkan Jiwa, Mengeratkan Ukhuwah” itu menghimpunkan mahasiswa dari Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Pulau Chondong, Darul Quran Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) serta KIAS, dengan semangat ukhuwah sebagai teras kebersamaan.

Exco Pendidikan, Pengajian



Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato’ Wan Roslan Wan Hamat berkata, penghantaran pelajar ke Shoubra bagi sesi 2025/2026 adalah kesinambungan usaha melahirkan generasi ulama dan qari yang mampu menjadi aset berharga untuk agama, masyarakat dan negeri.

“Semoga perjalanan ini diper-

mudahkan Allah SWT, diberi kekuatan untuk menimba sebanyak mungkin ilmu dan pengalaman, serta kembali kelak sebagai aset ummah yang bermanfaat,” katanya.

Beliau turut menegaskan majlis sebegini berperanan menyuntik motivasi dan menzahirkan kecintaan mahasiswa terhadap ilmu, sekali

gus memperkukuh ikatan ukhuwah yang menjadi tunjang pendidikan berteraskan Al-Azhar.

Majlis tersebut dianjurkan oleh Pertubuhan Kebajikan Alumni Maahad Shoubra (PERKEMAS) dengan kerjasama Dewan Perwakilan Mahasiswa (MAQAZ) Shoubra, Darul Quran MAIK, KIAS serta beberapa institusi lain.



MUNIF 2025: Lebih sepuluh negara sepakat bincang tindakan praktikal bebaskan Gaza



Oleh: Syamimi Manah

JITRA, 14 Septemper – Lebih sepuluh negara Islam dan NGO antarabangsa berhimpun dalam Muslim Ummah International Forum (MUNIF 2025) dengan satu tekad bersama iaitu membincangkan langkah segera dan praktikal demi membebaskan Gaza serta memperkukuh solidariti global terhadap Palestin.

Exco Penerangan, Dakwah dan Pemerkasaan Syariah Negeri Terengganu yang juga Pengerusi MUNIF 2025 YB Dr. Muhammad Khalil Abdul Hadi menegaskan bahawa forum berkenaan adalah ruang melahirkan strategi nyata yang boleh digerakkan bersama.

“Alhamdulillah, forum ini bukan sekadar retorik tetapi mampu diterjemahkan dalam bentuk tindakan dan strategi nyata bagi memperkukuh suara serta gerakan umat

Islam. Kehadiran para peserta hari ini memberikan suntikan semangat serta keyakinan bahawa perjuangan ini adalah usaha bersama,” katanya dalam ucapan alu-aluan di Darul Aman Golf Resort, Kedah, hari ini.

Menurutnya, tiga fokus teras MUNIF 2025 ialah menghimpunkan pemimpin gerakan Islam, NGO dan cendekiawan untuk memperkukuh jaringan kerjasama strategik serantau dan antarabangsa.

Di samping membincangkan tindakan segera serta praktikal bagi membebaskan Gaza, Masjid al-Aqsa dan bumi Palestin daripada penjajahan.

Seterusnya, menjana idea berimpak tinggi dalam bidang kemanusiaan, pendidikan, pembangunan modal insan, ekonomi dan diplomasi rakyat ke rakyat.

Dr. Muhammad Khalil turut mengingatkan peserta tentang firman Allah SWT dalam Surah al-Hujurat ayat 10 dan hadis Rasulullah SAW mengenai kepentingan solidariti sesama umat Islam.

“Mesej al-Quran dan sunnah ini memberi panduan jelas bahawa kita wajib memperkukuh tanggungjawab bersama dalam isu Palestin. Forum ini diharap menjadi pentas penting untuk berkongsi pandangan, pengalaman dan kepakaran, seterusnya melahirkan resolusi dan pelan tindakan yang lebih tersusun demi kebaikan ummah dan Islam tercinta,” ujarnya.

MUNIF 2025 menghimpunkan pemimpin gerakan Islam, NGO antarabangsa, tokoh akademik, institusi pendidikan serta media dalam dan luar negara, dan tokoh masyarakat dari Palestin, Turkiye,

Pakistan, Bangladesh, Sri Lanka, Indonesia, Thailand, Filipina, Brunei serta beberapa negara lain.

Dr. Muhammad Khalil menjelaskan bahawa kehadiran tersebut menjadi bukti bahawa persaudaraan Islam merentas sempadan bangsa dan negara sebagai solidariti global paling penting dalam isu Palestin pada tahun ini.

Forum anjuran bersama Kerajaan Negeri Kedah dengan sokongan anggota SG4 iaitu Kelantan, Terengganu dan Perlis turut menerima dukungan institusi tempatan, syarikat korporat, dermawan dan tokoh pemimpin berkaliber.

Turut hadir, Speaker DUN Kelantan YB Dato’ Sri Amar D’raja Dato’ Mohd Amar Abdullah dan Ahli Parlimen Kubang Kerian YB Dato’ Seri Tuan Ibrahim Tuan Man.



MUNIF 2025: SG4 model penyelarasan bantuan kemanusiaan ke Palestin

Oleh: Syamimi Manah

JITRA, 17 September – Kerjasama State Government 4 (SG4) antara Negeri Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu dijadikan model bagi penyelarasan bantuan kemanusiaan ke Palestin melalui penganjuran Muslim Ummah International Forum (MUNIF) 2025 di Kedah, pada Ahad.

Penganjuran MUNIF 2025 menggambarkan komitmen SG4 dalam mengukuhkan solidariti ummah serta memastikan isu Palestin ditangani melalui kerjasama bersepadu dan tersusun.

Inisiatif ini dilihat mampu memperkukuh usaha negara-negara Islam dalam menyelaraskan strategi bantuan, selain membuktikan kesungguhan ummah untuk tampil dengan mekanisme bersepadu menghadapi krisis kemanusiaan di Gaza.

Ahli Parlimen Kubang Kerian YB Dato' Seri Tuan Ibrahim Tuan Man berkata, tindakan agresif Zionis yang semakin melampau dengan serangan kejam sehingga rakyat Palestin kebuluran dan bantuan



makanan turut dibom itu membuktikan kekejaman di luar perikemanusiaan yang menuntut usaha penyatuan dunia Islam.

Menurut beliau, sempadan yang diluluskan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 1948 juga semakin terhakis sehingga menimbulkan kebimbangan terhadap masa depan Palestin.

“Tindakan ini melampau dan dunia kini menyaksikan kehancuran yang serius. Oleh itu, kita akan bincang dalam sidang meja bulat untuk merangka jawatankuasa penyelarasan bantuan,” ujarnya pada sidang media MUNIF 2025.

Beliau berkata, walaupun ban-

yak negara termasuk Malaysia dan Indonesia telah menghantar bantuan, koordinasi bersama amat diperlukan.

Sementara itu, Exco Industri dan Pelaburan, Pengajian Tinggi, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Kedah YB Profesor Dr Haim Hilman Abdullah menegaskan bahawa SG4 mampu menjadi model dalam konteks kerjasama serantau.

“Dari sudut ekonomi, lebih banyak bantuan boleh disalurkan jika kekuatan ekonomi umat Islam digerakkan. Begitu juga dengan pendidikan, rakyat Gaza yang tidak berpeluang ke sekolah

boleh mendapat manfaat melalui penyelarasan tindakan di negeri SG4 dan negara serantau,” katanya.

Dalam pada itu, Exco Penerangan, Dakwah dan Pemerkasaan Syariah Negeri Terengganu YB Dr Muhammad Khalil Abdul Hadi menegaskan bahawa usaha penyelarasan tersebut juga penting untuk dibawa ke peringkat parlimen.

“Resolusi daripada sidang meja bulat nanti, perlu diangkat ke peringkat lebih tinggi sama ada di parlimen atau pentas antarabangsa, khususnya di rantau Asia Pasifik,” jelasnya.

Kelantan sasar industri tanaman anggur, perkasa agro pelancongan



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 18 September – Kerajaan Negeri Kelantan menyasarkan industri tanaman anggur sebagai pertanian moden yang berpotensi besar untuk dikembangkan dalam bentuk agro pelancongan.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi Negeri Kelantan YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, usaha tersebut mampu membuka peluang ekonomi baharu serta memberi inspirasi kepada petani muda

untuk menceburi bidang pertanian bernilai tinggi.

“Kita melihat tanaman anggur mempunyai potensi besar bukan sahaja untuk pasaran segar, malah boleh dijadikan tarikan agro pelancongan.

Lawatan ini diharap menjadi titik permulaan kepada jalinan kerjasama antarabangsa yang mampu dimanfaatkan oleh petani muda Kelantan,” katanya menerusi laman sosial rasmi milik beliau, hari ini.

Beliau yang mengetuai delegasi

lawatan kerja ke Ladang Anggur Organik Deok-Hyeon, Korea Selatan baru-baru ini turut disertai ikon petani muda anggur Kelantan iaitu Taufik dari Po-Land GRAPE, Machang dan Wan Yusoff Abdul Rahman dari Kelantan Grape Vine Yard, Tumpat.

Turut serta dalam lawatan tersebut ialah wakil Jabatan Pertanian Kelantan, Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB), Darulnaim Agro Management Industries Sendirian Berhad dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelan-

tan.

Ketibaan delegasi mereka telah disambut oleh Datuk Bandar dan pihak pengurusan Ladang Anggur Organik Deok-Hyeon.

Ladang tersebut telah beroperasi lebih 30 tahun dan terkenal dengan penghasilan anggur organik berkualiti tinggi. Pokok anggurnya mampu mengeluarkan lebih 4,500 tangkai setiap musim, selain menerima pensijilan mesra alam dan mendapat perhatian di peringkat antarabangsa.

Dato' Tuan Saripudin berkata, kerajaan negeri komited memberi sokongan kepada petani muda melalui pendedahan teknologi, perkongsian kepakaran dan jaringan kerjasama antarabangsa.

“Kita mahu industri tanaman anggur ini menjadi pemangkin kepada pembangunan sektor pertanian bernilai tinggi serta memperkukuh agenda agro pelancongan negeri Kelantan,” katanya.

2nd WAIPA: Tiga Wakil Pemimpin Wanita Kelantan Perkukuh Suara Di Peringkat Asia

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 17 September – Dua ahli parlimen dan seorang senator wanita dari Kelantan terpilih mewakili Malaysia ke Mesyuarat Ahli-ahli Parlimen Wanita ASEAN atau 2nd Meeting of Women Parliamentarians of AIPA (WAIPA) – Women Political Leaders Forum yang diadakan sempena Perhimpunan Agung ke-46 ASEAN Inter Parliamentary Assembly (AIPA) di Putra World Trade Centre (PWTC), Kuala Lumpur, bermula 16 hingga 22 September.

Tiga tokoh wanita tersebut ialah Ahli Parlimen Tumpat YB Dato' Mumtaz Md Nawwani dan Ahli Parlimen Rantau Panjang YB Dato' Siti Zailah Mohd Yusoff serta YB Senator Dr Wan Martina Wan Yusoff.

Menurut Dr. Wan Martina, Malaysia menghantar sembilan perwakilan terdiri daripada Ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat.



“Daripada jumlah itu, tiga adalah wakil dari Kelantan, manakala delegasi Malaysia diketuai oleh Ahli Parlimen Sri Aman YB Dato' Sri Doris Sophia anak Brodi” katanya ketika dihubungi, hari ini.

Mesyuarat WAIPA yang bermula pada sebelah petang dijadualkan membincangkan dua resolusi yang ditaja Malaysia, antaranya bertajuk ‘Championing Collaborative Efforts on Women's Political Participation and Leadership in ASEAN’ yang menekankan kepentingan memperkasa penyer-taan dan kepimpinan politik wanita

di rantau ini.

Forum kali ini turut dihadiri perwakilan Asia serta pemerhati antarabangsa dengan tema ‘Women's Leadership for Future-Ready Governance: Navigating Transitions in The Digital and Sustainability Era’.

Tema tersebut menekankan bahawa kepimpinan wanita sebagai peserta dalam tadbir urus, dan pen-eraju penyelesaian dalam meng-hadapi transformasi dan cabaran global.

Antara objektif utama forum ialah mengenal pasti peranan



pemimpin wanita dalam merangka dasar inklusif bagi menangani cabaran baharu seperti tadbir urus kecerdasan buatan (AI governance), transformasi digital dan ekonomi khidmat penjagaan (care economy).

Penyertaan wakil Malaysia, khususnya dari Kelantan, bukan sahaja mengangkat martabat wanita dalam kepimpinan, malah memperlihatkan komitmen mereka memperkukuh demokrasi, membina jaringan kerjasama serantau dan memperjuangkan kesejahteraan masyarakat Asia.

Kelantan komited basmi kemiskinan melalui sektor perladangan



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 18 September – Kerajaan Negeri Kelantan komited dalam usaha mengurangkan kadar kemiskinan di negeri ini dengan memfokuskan pembangunan sektor perladangan sebagai medium peningkatan sosioekonomi rakyat.

Berhubung perkara tersebut, Mesyuarat Lembaga Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan (PPLRNK) yang dipengerusikan oleh Menteri Besar YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berlangsung di Wisma PPLRNK,

Tunjong pada Rabu.

Menteri Besar berkata, mesyuarat tersebut diadakan bagi memastikan segala perancangan serta keputusan berkaitan operasi dan pembangunan Ladang Rakyat dapat diselaras dengan baik dan memberi impak positif kepada golongan sasaran.

“Alhamdulillah, mesyuarat pagi ini berjalan lancar. Kita mahu pastikan setiap keputusan yang diambil akan memberi manfaat maksimum kepada rakyat, khususnya dalam aspek menjana pendapatan dan membuka lebih banyak peluang pekerjaan melalui sektor per-



ladangan,” katanya.

“Pendekatan ini selaras dengan misi Kerajaan Negeri Kelantan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat, terutamanya mereka yang berada dalam kategori berpendapatan rendah. Insya-Allah, semoga segala usaha ini dipermudahkan dan akan membawa kebaikan kepada seluruh rakyat Kelantan,” jelasnya.

PPLRNK berperanan penting dalam merancang dan melaksanakan projek-projek ladang rakyat yang memberi pulangan ekonomi serta manfaat langsung kepada peserta dan komuniti setempat.

Hadir sama dalam mesyuarat tersebut ialah Timbalan Menteri Besar YB Dato' Dr Mohamed Fadli Hassan, Setiausaha Kerajaan Negeri YBM Tengku Kaya Perkas Dato' Dr. Tengku Faziharudean Al-Haj Tengku Feissal, Penasihat Undang-Undang Negeri YB Dato' Idham Abdul Ghani, Pegawai Kewangan Negeri YB Dato' Rosnazli Amin dan Ketua Pegawai Operasi Mohd Arpi Arifin.

Sebagai rekod, PPLRNK ditubuhkan melalui Enakmen No. 2 Tahun 2006 setelah diluluskan oleh Dewan Negeri Kelantan pada Februari 2006 dan dilancar secara rasmi pada 26 Januari 2006 sebagai inisiatif kerajaan negeri bagi mengurangkan kemiskinan, meningkatkan pendapatan rakyat dan memanfaatkan tanah terbiar.

Melalui program tersebut, 100 peserta terpilih dari setiap Dewan Negeri Kelantan (DUN) menerima dividen bulanan sebanyak RM200.

Kelantan TRW perkukuh kerjasama bola sepak dengan **kelab gergasi Uzbekistan**

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 17 September – Kelab bola sepak Kelantan The Real Warriors (Kelantan TRW) mencatat sejarah baharu apabila menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan kelab gergasi Uzbekistan, Bunyodkor FC, di Pejabat Stadium Nasional Uzbekistan, Tashkent, pada Isnin.

Majlis tersebut menyaksikan Kelantan TRW diwakili presiden-nya Tan Sri Annuar Musa bersama delegasi pengurusan tertinggi kelab bagi melaksanakan maksud tersebut.

Kelab bola sepak Kelantan TRW menerusi hantaran di media sosialnya menyatakan bahawa melalui MoU tersebut, kedua-dua kelab akan menjalinkan kerjasama strategik dari aspek pembangunan teknikal, penganjuran perlawanan persahabatan, peminjaman pemain



serta pembangunan akademi bola sepak.

“Kerjasama ini juga dilihat sebagai langkah berani dan progresif dalam usaha memperkukuhkan kedudukan Kelantan TRW, bukan sahaja di peringkat tempatan, tetapi juga di pentas Asia,” catat kelab itu di media sosial, pada Selasa.

Untuk rekod, Bunyodkor FC yang kini menduduki tangga keempat Liga Super Uzbekistan bukanlah nama asing dalam bola sepak Asia. Kelab berprestij itu pernah dibimbing legenda dunia seperti

Zico dan Luiz Felipe Scolari, sekali gus menjadikannya antara pasukan paling berpengaruh di Asia Tengah.

MoU itu dimeterai sejeurus selepas Kelantan TRW melakar kejayaan mara ke Suku Akhir Piala FA Malaysia 2025/2026 dengan agregat 3-2 ke atas KL City, sekali gus menandakan tahun cemerlang buat kelab berkenaan.

Peminat bola sepak Kelantan dan tanah air pastinya menantikan hasil positif daripada jalinan strategik yang dilihat mampu membawa



The Real Warriors ke tahap lebih gagah di Malaysia dan Asia.

Kelantan TRW kini menduduki tangga kelima dalam carta Liga Super 2025/2026 setelah melalui empat perlawanan dengan sekali menang, dua seri dan satu kekalahan dan memungut lima mata.

Untuk perlawanan seterusnya, Kelantan TRW akan menentang pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam saingan Liga Super yang akan berlangsung pada 20 September ini di Stadium Majlis Perbandaran Selangor.

Kontinjen Kelantan muncul **naib johan** keseluruhan KESSUMA 2025



Oleh: Syamimi Manah

LANGKAWI, 17 September – Kontinjen Kelantan muncul naib johan keseluruhan dalam Kejohanan Sukan Sekolah-Sekolah Menengah Agama Malaysia (KESSUMA) Peringkat Kebangsaan Kali Ke-24 Tahun 2025 yang berlangsung di Stadium Kompleks Sukan LADA, Langkawi.

Kejohanan yang berlangsung pada 14 sehingga 17 September itu menghimpunkan atlet sekolah-sekolah menengah agama seluruh Malaysia dengan melibatkan pelbagai acara sukan dipertandingkan seperti ping pong, badminton, bola

tampar, sepak takraw, bola sepak dan bola jaring.

Kelantan membawa pulang enam pingat keseluruhan dengan kutipan dua pingat emas dan empat pingat gangsa. Pingat emas diperoleh menerusi acara sepak takraw dan bola tampar lelaki, manakala empat gangsa diraih dalam acara bola sepak dan ping pong kategori lelaki serta badminton dan bola tampar perempuan.

Pengarah Yayasan Islam Kelantan Zulkifli Ab Rahman turut hadir bersama kontinjen Kelantan naik ke pentas bagi menerima piala johan bagi acara sepak takraw dan bola tampar lelaki sebagai tanda



penghargaan atas kejayaan membanggakan itu.

Majlis penutupan program itu disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) YB Senator Dato' Setia Dr Mohd Na'im Mokhtar.

Sementara itu, Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat yang juga turun padang memberi sokongan kepada kontinjen Kelantan sebelum ini, melahirkan rasa bangga terhadap pencapaian para atlet negeri.

“Saya berkesempatan melawat beberapa lokasi KESSUMA di

Langkawi dan menyaksikan perlawanan pasukan Kelantan.

“Alhamdulillah, para pemain menunjukkan semangat juang yang tinggi dengan mencatat kemenangan membanggakan. Tahniah kepada pasukan dan teruskan momentum ini demi mengharumkan nama negeri Kelantan,” katanya menerusi satu hantaran di media sosial miliknya, pada Isnin.

Kejohanan KESSUMA Peringkat Kebangsaan merupakan program anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Jabatan Agama/Yayasan Islam negeri-negeri yang diadakan setiap tahun di seluruh Malaysia mengikut giliran yang ditentukan melalui Jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Sekolah-sekolah Agama.

Kejayaan kontinjen Kelantan ini menjadi pencetus motivasi untuk terus mengukir kecemerlangan pada edisi akan datang, selain membuktikan pelajar sekolah agama bukan sahaja cemerlang dalam akademik, tetapi juga berdaya saing dalam arena sukan.



Kelantan komited basmi kemiskinan melalui sektor perladangan

Piala FA 2025: Kelantan TRW mara ke suku akhir

Oleh: Asri Hamat

KUALA LUMPUR, 15 September – Kelantan The Real Warriors (Kelantan TRW) berjaya menempah slot ke suku akhir Piala FA 2025, menyingkirkan Kuala Lumpur City FC dengan agregat 3-2.

Sejarah menyaksikan perkembangan pasukan itu selama lapan tahun ditubuhkan. Bermula dengan nama Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB-BRI FC) kepada Kelantan United Football Club (KUFC). Beralih pula menjadi Kelantan Darulnaim Football Club (KDN FC), dan kini dikenali sebagai Kelantan The Real Warriors (Kelantan TRW).

Walaupun tewas 0-1 kepada KL City dalam aksi pusingan kedua di Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur malam tadi, bekalan kemenangan 3-1 di Kota Bharu pada perlawanan pertama sudah cukup untuk memastikan pasukan bimbingan E.



Elavarasan itu mara ke peringkat lapan terbaik.

Kelantan TRW kini menanti cabaran sama ada Sabah FC atau Bunga Raya FC di suku akhir.

Dalam perlawanan malam tadi, skuad kendalian Risto Vidakovic bermula garang apabila Safawi Rashid hampir membuka jaringan seawal minit ketujuh, namun rembatan jarak dekatnya ditepis ke mas penjaga gol pelawat, Damyan Damyantov. Empat minit kemudian, Safawi sekali lagi menemui gawang

tetapi jaringannya dibatalkan selepas semakan VAR mengesahkan bola terkena tangannya.

KL City terus menggandakan tekanan sepanjang babak pertama, namun keampuhan benteng pertahanan Kelantan TRW bersama ketangkasan Damyantov memastikan kedudukan kekal 0-0 sehingga rehat.

Bersambung babak kedua, skuad tuan rumah terus menekan dan hampir merapatkan jurang pada minit ke-46 apabila sepakan akro-

batik Kpah Sherman hanya berjaya dikeluarkan di atas garisan oleh Azwan Arifin. Damyantov sekali lagi menjadi wira pada minit ke-62 apabila menepis keluar percubaan deras Victor Ruiz dari dalam kotak penalti.

Gol tunggal perlawanan akhirnya hadir pada minit ke-71 menerusi Ruiz, namun ia sekadar menghidupkan kemenangan tipis buat KL City. Kelantan TRW kekal dengan kelebihan agregat 3-2 untuk mengesahkan tiket beraksi di suku akhir.

KBHM diiktiraf AIMS, angkat Kelantan di pentas larian dunia



Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 14 September – Kota Bharu Half Marathon (KBHM) melakar sejarah tersendiri apabila secara rasmi diterima sebagai ahli Association of International Marathons and Distance Races (AIMS), sekali gus menjadikannya antara 11 acara larian bertaraf antarabangsa di Malaysia.

Pengiktirafan berprestij itu men-

yaksikan laluan 21km dan 10km KBHM diukur mengikut piawaian World Athletics, membolehkan catatan masa peserta diiktiraf sebagai kelayakan ke kejohanan luar negara.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad menyifatkan pencapaian tersebut bukan sahaja melonjakkan reputasi KBHM, bahkan mengangkat nama Kelantan di pentas dunia.

“Penganjuran tahun ini membawa impak berganda. Bukan sahaja dari segi sukan, malah sektor pelancongan dan ekonomi negeri turut menerima manfaat apabila hotel sekitar Kota Bharu dipenuhi peserta dari pelbagai negeri dan ramai yang membeli produk tempatan serta menikmati sajian tradisi Kelantan,” katanya menerusi hantaran di media sosial, semalam.

Edisi kali ini mengetengahkan tema merah, putih dan hitam, di samping memperkenalkan kempen “Indahnya Kelantan-Runcation” yang menggabungkan aktiviti larian dengan percutian.

Beliau menegaskan, penganjuran KBHM selari dengan Dasar Anak Muda Kelantan (DAMAK) yang menitikberatkan kesihatan menyeluruh, serta Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI) yang mengangkat aspek penjagaan diri, kelestarian alam

dan keterangkuman sosial.

YB Zamakhshari turut merakam penghargaan kepada Yayasan KB Care selaku penganjur utama bersama Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan (UPEN), Urus Setia Belia dan Sukan Negeri (U-BeS), agensi keselamatan, NGO, suka-relawan, media dan penaja yang memastikan kelancaran acara.

Kerajaan negeri, katanya, komited untuk menjadikan KBHM sebagai acara tahunan tetap dengan penyertaan lebih meluas daripada komuniti belia, penggemar larian dan masyarakat setempat.

Majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang berlangsung di Dewan Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB-BRI).

Untuk rekod, KBHM 2025 menarik penyertaan 3,142 peserta, peningkatan ketara berbanding 2,055 peserta tahun lalu.